

**STRATEGI KOMUNIKASI BUKAN LISAN (SKBL)
BAHASA MELAYU DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH
RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SRJK(C))**

*NONVERBAL COMMUNICATION STRATEGIES (NVCS) IN
MALAY LANGUAGE AMONG STUDENTS IN NATIONAL
CHINESE PRIMARY SCHOOL (NCPS)*

**Mohd Helmi Pangat
Puteri Roslina Abdul Wahid**
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Abstrak

Makalah ini menggariskan jenis-jenis strategi komunikasi bukan lisan (SKBL) pelajar Cina di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJK(C)) dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Subjek yang dipilih merupakan 130 pelajar darjah lima di SRJK(C) di Kuala Langat. Subjek dibahagikan kepada tiga kumpulan berasaskan aras kecekapan bahasa mereka. Instrumen yang digunakan ialah ujian lisan dan transkripsi korpus lisan. Dapatan kajian menunjukkan 9 strategi komunikasi bukan lisan (SKBL) telah digunakan oleh pelajar Cina. Strategi yang paling kerap digunakan ialah pergerakan jari 247 (23%), jelingan mata 198 (18%), pergerakan tangan 171 (16%), pergerakan badan 146 (14%), pergerakan kepala 102 (9%), renungan mata 72 (7%), strategi diam 72 (7%), senyuman 63 (6%) dan pergerakan lidah 1 (tidak mencapai (1%). Dapatan menunjukkan bahawa SKBL memainkan peranan yang penting dalam memastikan mesej, disampaikan khususnya dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di kalangan pelajar Cina.

Kata kunci: pembelajaran bahasa kedua, pelajar Cina, strategi komunikasi bukan lisan (SKBL), bahasa Melayu

Abstract

This article outlines the types of nonverbal communication strategies (NVCS) in learning Malay as a second language among Chinese students in the National Chinese Primary School (NCPS). This study utilized a quantitative and qualitative method of data collection. The subjects consisted of 130 students of the 5th Year at the NCPS in Kuala Langat. These subjects were divided into three different groups according to their different levels of language proficiency. The instruments used in this study were oral tests and a transcription of the spoken corpus. The findings show that 9 nonverbal communication strategies were used by the students, namely fingers movements 247 (23%), eye movement 198 (18%), hand movements 171 (16%), body movements 146 (14%), head movements (9%), eyes gazing 72 (7%), smiling 63 (6%) and tongue movements 1 (not even 1%). The results show that the NVCS play an important role in ensuring the message was delivered, particularly in Malay as a second language learning among the Chinese students.

Keywords: *second language learning, Chinese students, nonverbal communication strategies (NVCS), Malay language*

Pendahuluan

Aspek komunikasi bukan lisan telah menjadi fokus penting dalam pelbagai bidang seperti antropologi, psikologi, sosiologi dan linguistik. Birdwhistell (1956:141-144), perintis dalam penyelidikan komunikasi bahasa lisan menganggarkan bahawa dalam setiap perbualan, kira-kira 65% daripada perkara yang disampaikan pada tahap sosial dan antara perseorangan ialah mesej bukan lisan. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mesej yang dihantar dan diterima ialah kod dan nyahkod bukan lisan. Namun dalam konteks pengajaran bahasa kedua, fenomena bukan lisan tidak diberikan perhatian yang mencukupi. Abercrombie (1968:55) menyatakan bahawa "*we speak with our vocal organs but we converse with our entire body*". Setiap ekspresi wajah dan setiap isyarat menyumbang kepada makna bagi keseluruhan pernyataan. Bahasa badan mengiringi setiap lakuan bahasa yang dipamerkan dan walaupun kita tidak berkata-kata, tingkah laku bukan lisan kita sentiasa menghantar maklumat yang mengandungi makna.

Komunikasi bahasa bukan lisan (KBL) merujuk kepada semua bentuk komunikasi yang tidak melibatkan penggunaan perkataan (Akinola, 2016:3). Beliau menegaskan bahawa komunikasi bukan lisan ini ialah “*a communicative value that are not part of verbal communication are summarised under the umbrella term ‘nonverbal communication’*”. Pada hakikatnya, pembelajaran bahasa melibatkan kedua-dua aspek komunikasi, iaitu lisan dan bukan lisan. KBL biasanya dinyatakan dalam beberapa kaedah lain seperti menggunakan bahagian badan atau sikap dan tindakan, bukan sekadar kata-kata. Walaupun KBL merupakan aspek yang penting dalam komunikasi manusia, tetapi aspek ini tidak begitu diketengahkan dalam perbincangan tentang pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Tambahan pula, adalah penting bagi pelajar bahasa kedua (B2) menyedari bahawa KBL penting dalam pertembungan antara budaya apabila mereka mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing.

Dalam konteks pembelajaran B2, unsur bahasa bukan lisan tidak diberikan perhatian sewajarnya. Secara tradisinya, kelas-kelas pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing lebih menekankan bahasa lisan (Surkamp, 2014:28-43). Beliau juga mengatakan bahawa KBL merupakan bentuk komunikasi tertua kerana berasal dari zaman awal, sewaktu kanak-kanak tidak dapat meluahkan permintaan secara lisan. KBL berfungsi sebagai saluran penting bagi bayi menyalurkan maklumat kepada ibu bapa. KBL juga termasuk postur, pandangan, hubungan mata, nuansa vokal, jarak, gerak isyarat, warna, tanda-tanda, bunyi, gambar rajah, dan paralinguistik. KBL ialah satu aspek penting dalam komunikasi manusia kerana banyak dapat disampaikan walaupun tanpa mengucapkan sepatah kata. Selain itu, KBL digunakan untuk menguatkan dan melengkapinya mesej lisan kerana interaksi manusia normal bergantung sedikit sebanyak kepada isyarat bukan lisan.

Keberkesanan KBL mengambil alih peranan dialog kerana dengan mengangguk-angguk, tersenyum, isyarat mata kedua-dua pihak boleh menentukan sama ada untuk meneruskan atau menghentikan perbualan. Sebahagian daripada kebaikan KBL ialah pengukuhan kepada komunikasi lisan, berfungsi sebagai pengganti yang baik apabila komunikasi lisan terhenti, mudah difahami, lebih murah untuk digunakan, boleh digunakan untuk mengawal interaksi. Isyarat bukan lisan boleh digunakan untuk menyatakan bila boleh dan tidak boleh bercakap. Cirinya yang multidimensi yang berbeza dengan komunikasi lisan yang mempunyai dua mod, iaitu bercakap dan menulis. KBL lisan

menggunakan gambar, pakaian, warna, bunyi, bahan-bahan, tindakan, kedudukan tubuh dan jarak antara perseorangan.

Satu daripada objektif pembelajaran bahasa kedua ialah peningkatan kecekapan komunikatif. KBL merupakan bahagian yang penting dalam komunikasi manusia kerana kecekapan komunikasi tidak semata-mata bergantung kepada penggunaan bahasa lisan yang betul. Hakikatnya, bahasa bukan lisan penting sebagai alat menyampaikan mesej agar komunikasi berjalan lancar. Jacobson (1960) dan Argyle (2002) mengetahui bahawa fungsi bahasa bukan lisan dapat menyampaikan mesej dalam komunikasi. Petunjuk bahasa bukan lisan ini mempunyai fungsi tertentu, iaitu fungsi emotif (melalui ekspresi wajah) menunjukkan personaliti, emosi, pemikiran dan sikap penutur; fungsi konatif (melalui gerak badan) menunjukkan peranan sosial dan aras hubungan antara dua interlocutor; fungsi fatik yang mengatur perbualan dan struktur interaksi menunjukkan giliran bertutur; fungsi ilustrator melalui anggukan kepala bagi menunjukkan persetujuan serta fungsi lambang melalui gabungan leksikal atau isyarat anggota badan menunjukkan makna ritual misalnya, jari bentuk 'V' untuk kemenangan seperti yang digunakan oleh Winston Churchill pada tahun 1943.¹

Perlakuan bukan lisan amat relevan sebagai strategi komunikasi. Komunikasi bukan lisan boleh membantu pelajar memahami dan menghasilkan pandangan mereka dalam B2. Pelajar yang menghadapi masalah kekurangan kosa kata dalam B2 dan tidak berupaya untuk menghasilkan bunyi dalam B2 boleh diganti dengan isyarat bukan lisan atau pemindahan maklumat sebagai sebahagian daripada komunikatif melalui gerak badan. Hal ini sama juga berlaku bagi fungsi emotif bukan lisan yang memberikan mesej kepada pelajar tentang emosi dan tujuan perbualan berlangsung dengan rakan bual. Pelajar boleh menggunakan ekspresi wajah untuk meminta atau memberi maklum balas perbualan dalam menanggapi proses komunikasi atau mentafsir mesej yang ingin disampaikan oleh penutur. Kajian ini akan menggarap persoalan bahasa bukan lisan dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di SRJK (Cina) dan implikasi fenomena ini dalam meningkatkan keupayaan pelajar Cina menguasai bahasa Melayu.

¹ https://en.wikipedia.org/wiki/V_sign, diakses pada 4 Julai 2016.

Permasalahan dan Objektif

Aspirasi Sistem Pendidikan Negara berhasrat untuk melahirkan murid-murid yang sekurang-kurangnya fasih bertutur dalam bahasa Melayu (BM) hingga mampu berinteraksi dengan bebas dalam wacana sosial. Tahap penguasaan murid pada peringkat tersebut adalah penting untuk menyasarkan 90% pencapaian murid pada tahap minimum gred kepujian BM dan 30% bagi bahasa tambahan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, (PPPM) 2013-2025: Ekshibit 4-6). Sasaran tersebut akan tercapai sekiranya jurang prestasi antara kumpulan etnik dapat ditangani. Hal ini demikian kerana pelajar Cina kurang pendedahan kepada BM di SRJK (C). Sebanyak 96% pelajar Cina dan 56% pelajar India bersekolah di sekolah jenis kebangsaan yang kebanyakan mata pelajaran diajar dalam bahasa ibunda masing-masing. Oleh itu, melalui PPPM 2013-2025, KPM memperkenalkan KSSRBM untuk pelajar Cina dan pelajar Tamil di sekolah jenis kebangsaan supaya setiap pelajar yang melalui Sistem Pendidikan Malaysia perlu mahir dan fasih berbahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada tahap kemahiran bebas oleh *Common European Framework of Reference for Language (CEFR)*.

Matlamat KPM untuk meningkatkan penguasaan lisan BM di kalangan pelajar Cina agar setaraf dengan pelajar di sekolah harian biasa adalah tinggi. Jika matlamat tersebut tercapai, maka penyeragaman Standard Kurikulum Bahasa Melayu (SKBM) di semua sekolah rendah boleh dilaksanakan. Oleh itu, pelajar Cina perlu mempunyai teknik pembelajaran bahasa Melayu yang sesuai, menarik, dan fleksibel. SKBL termasuklah pergerakan jari, tangan, jelingan mata dan lain-lain. Dalam proses menguasai B2 oleh penutur bukan natif, penggunaan SKBL dilihat sebagai kaedah terbaik untuk memudahkan pelajar Cina bertutur dalam BM disebabkan kekurangan pemahaman leksikal bahasa tersebut. Selain mesej ujaran dapat disampaikan dengan baik, objektif pengajaran dan pembelajaran BM dalam kelas juga tercapai.

KBL seperti bahasa isyarat, bahasa tubuh, kontak mata, dan penggunaan objek merupakan bahagian yang penting dalam situasi komunikasi. Walau bagaimanapun, hal ini masih diabaikan dalam pengajaran B2. Pengetahuan dan kesedaran fungsi KBL dapat membantu guru untuk meningkatkan kemahiran membaca kerana hal ini menyumbang kepada pemahaman teks. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menunjukkan bahawa strategi komunikasi bukan lisan (SKBL) merupakan salah satu fenomena yang penting dalam

pembelajaran B2, khususnya bahasa Melayu berdasarkan analisis terhadap pelajar Cina di SRJK (C). Instrumen main peranan dan ujian lisan yang digunakan akan menunjukkan keberkesanan SKBL.

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan tentang jenis-jenis strategi komunikasi bukan lisan (SKBL) yang digunakan oleh pelajar SRJK(C) dalam menyelesaikan masalah komunikasi lisan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Kawasan kajian hanya di sebuah kawasan sahaja, iaitu SRJK(C) di daerah Hulu Langat. Seramai 130 orang murid Tahun 5 daripada empat buah sekolah bandar dan empat buah sekolah luar bandar dipilih sebagai subjek kajian. Pelajar dibahagikan tiga kumpulan, iaitu Pelajar Aras Cemerlang (PAC), Pelajar Aras Sederhana (PAS), dan Pelajar Aras Rendah (PAR). Kajian ini tidak mencakupi *inferens* untuk semua sekolah di daerah Hulu Langat ataupun di seluruh Selangor, kecuali di sekolah-sekolah SRJK(C) di daerah tersebut sahaja. Pelajar-pelajar ini juga telah melalui pembelajaran BM secara formal di sekolah selama lima tahun. Penguasaan leksikal BM mencapai tahap yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan baik, menulis ayat, atau membaca bahan-bahan bacaan seperti buku teks, buku cerita dan surat khabar dalam BM.

Penggunaan instrumen dalam ujian lisan bertujuan agar subjek dapat bertutur dalam bahasa Melayu bagi aktiviti bercerita dan main peranan. Subjek dikehendaki menjalankan aktiviti bercerita berdasarkan situasi gambar yang disediakan. Subjek perlu bercerita berkaitan gambar yang dilihat atau menggunakan idea sendiri yang difikirkan sesuai. Semua aktiviti merangkumi perbualan dan pertanyaan dirakam dengan menggunakan alat perakam video. Aktiviti main peranan pula dilakukan secara berpasangan. Setiap kumpulan diberikan satu situasi tertentu. Mereka dikehendaki melakonkan situasi tersebut dengan penuh perasaan. Subjek perlu memahami peranan masing-masing dengan berbincang bersama pasangan masing-masing. Satu demonstrasi melakonkan dialog ditunjukkan kepada subjek. Tiada tempoh tertentu diberikan untuk lakonan. Semasa melakonkan dialog, pasangan pelajar tidak dibenarkan melihat dialog, sebaliknya perlu mengingati dialog tersebut. Pada masa yang sama, mereka bebas mengeluarkan idea masing-masing dan tidak terikat dengan dialog yang diberikan. Contoh Aktiviti Main Peranan adalah seperti yang berikut:

Situasi 1:

Anda ke kedai untuk membeli alat tulis. Semasa dalam perjalanan tiba-tiba anda terlihat sebuah rumah sedang dijilat api. Tanpa membuang masa, anda terus menelefon pihak bomba untuk memadamkan kebakaran tersebut. Lakonkan perbualan anda dengan pihak bomba tersebut.

- Anda : Hello, bolehkah saya bercakap dengan pegawai bomba?
Pegawai : Ya, ini pegawai bomba daerah Serdang!
Anda : Tuan, di sini ada satu kebakaran sebuah rumah!
Pegawai : Baiklah, bolehkah anda beritahu alamat tempat kebakaran itu?
Anda : Rumah bernombor 12, Jalan Bunga Raya, Taman Sentosa.
Pegawai : Baiklah, laporan diterima dan kami akan segera ke tempat itu.
Anda : Terima kasih.
Pegawai : Sama-sama.

Situasi 2:

Anda dan rakan berkunjung ke sebuah restoran untuk menikmati sarapan pagi. Lakonkan perbualan anda bersama pelayan restoran tersebut tentang menu makanan dan minuman yang akan dipilih.

- Pelayan : Hello, Selamat pagi. Apa khabar? Selamat datang.
Anda : Selamat pagi, khabar baik.
Pelayan : Apakah menu makanan yang anda pilih?
Anda : Emmh, baiklah, saya hendak makan nasi ayam.
Pelayan : Apakah minuman yang anda sukai?
Anda : Saya minta segelas teh tarik dan segelas susu.
Pelayan : Apakah menu makanan untuk rakan anda?
Anda : Untuk rakan saya ini, tolong berikan secawan kopi.
Pelayan : Ada apa-apa lagi?
Anda : Tiada. Terima kasih.
Pelayan : Sama-sama.

Prosedur analisis data kuantitatif kajian melalui dua peringkat utama, iaitu rakaman video dan transkripsi ujaran lisan. Pada peringkat akhir, ujian lisan dikumpulkan dan kerja-kerja memproses data dilakukan dengan teliti. Rakaman data ujian lisan ditranskripsi dalam bentuk data bertulis. Proses transkripsi dilakukan berulang kali bagi memastikan ujaran-ujaran lisan dapat ditulis dengan baik. Kemudian barulah proses menganalisis dan menyaring data bertulis tersebut dilakukan bagi mengklasifikasikan jenis-jenis SKBL.

Menurut Jamilah (2009:50), bahasa bukan lisan merangkumi keseluruhan bahasa yang tidak bersuara (bahasa badan, simbol, lambang, ruang, ikon, persekitaran dan masa) yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Namun demikian, kajian ini hanya menumpukan perhatian kepada gerak badan penutur (tubuh badan, tangan, jari, kepala, tangan, lidah, mata, senyuman) termasuk berdiam diri. Strategi komunikasi bukan lisan (SKBL) yang dikaji adalah seperti berikut:

1. Pergerakan Lidah

Strategi ini melibatkan gerakan lidah yang dilakukan apabila pelajar gagal meneruskan ujaran. Tindakan tersebut berlaku secara tidak sengaja atau spontan. Walaupun bahagian tersebut berada dalam anggota badan yang lain, tetapi peranannya adalah penting.

2. Jelingan Mata

Perbuatan pelajar menjeling ke arah tertentu bertujuan meminta bantuan daripada rakan-rakan yang berada di situ, berkaitan sama ada ujaran yang dilakukan betul atau salah. Selain itu, pelajar tersebut berharap elemen-elemen seperti gambar, nota, catatan dan jadual yang ada boleh membantu pelajar mengingat kembali kosa kata yang diperlukan.

3. Senyuman

Strategi ini memberi pengertian tertentu, seperti pelajar yang berkeupayaan untuk membina ujaran-ujaran secara lisan akan menunjukkan keceriaan pada wajahnya melalui senyuman yang terukir. Sebaliknya, wajah yang sedih menunjukkan pelajar itu menghadapi kesukaran untuk mengujarkan ayat-ayat B2 yang betul.

4. Pergerakan Kepala

Gelengan kepala menunjukkan seseorang pelajar itu tidak mengetahui jawapan apabila soalan diajukan, manakala anggukan kepala merupakan perbuatan mengganggu kepala atau anggukan kepala secara menaikkan dan menurunkan kepala dari atas ke bawah atau sebaliknya. Anggukan ini membawa maksud persetujuan atau menyokong sesuatu. Perhatian ditumpukan kepada strategi ini sebagai salah satu daripada kaedah yang penting untuk pelajar berkomunikasi.

5. Renungan

Renungan gambar boleh meningkatkan daya ingatan bagi kosa kata yang perlu digunakan. Renungan juga boleh mengurangkan risiko gangguan unsur-unsur luar yang nyata tidak membantu pelajar untuk bertutur. Seseorang pelajar itu perlu mengamati sesuatu gambar yang dipandang dengan teliti agar mengetahui siapa, di mana, mengapa, apa yang dilakukan serta berapa bilangan, sebelum membina ayat-ayat secara lisan dan spontan.

6. Pergerakan Badan

Gerakan tubuh badan memberikan isyarat tertentu. Strategi ini biasa berlaku bukan sahaja ketika seseorang itu bertutur dalam B2, malahan berlaku dalam bahasa ibunda. Pelajar menggunakan strategi tersebut untuk melewati masa bagi memberi peluang mereka memikirkan kosa kata yang sesuai digunakan dengan ujaran.

7. Pergerakan Jari

Jari-jemari pelajar yang digerakkan secara sistematik boleh memberi makna tertentu kepada interlokutor atau orang ramai yang memahami makna setiap simbol-simbol kesan daripada gerakan tersebut.

8. Pergerakan Tangan

Hargrave (2008:18), menyatakan bahawa tangan merupakan satu daripada lima anggota badan dalam kategori saluran komunikasi dan menginterpretasikan isyarat bahasa badan. Hampir 99.5 % tugas harian fizikal harus dilakukan dengan tangan. Oleh itu, proses berkomunikasi secara verbal merupakan salah satu tugas tangan (Jamilah, 2009:113). Gerakan jari dan tangan sebagai SKBL yang berasingan akan lebih diperincikan.

9. Strategi Diam

Berdiam diri, ialah enggan menjawab atau bertindak balas terhadap sebarang persoalan yang diajukan oleh rakan. Pelajar yang sangat kurang kosa kata B2 akan bertindak sebegini.

Strategi Komunikasi Bukan Lisan Pelajar Cina


Setelah subjek menjalani ujian lisan individu (bercerita) dan main peranan (berpasangan) mengikut aras masing-masing, semua data dihasilkan dalam bentuk transkripsi. Umumnya, semua subjek didapati menggunakan sebanyak 1072 SKBL yang merangkumi 9 jenis. Peratusan dan bilangan SK dengan menggunakan strategi ini boleh dilihat berdasarkan Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Strategi Komunikasi Bukan Lisan Pelajar Cina

	Strategi Komunikasi Bukan Lisan (SKBL)	Bil. SK	%
1	Pergerakan lidah	1	0%
2	Senyuman	63	6%
3	Strategi diam	72	7%
4	Renungan mata	72	7%
5	Pergerakan kepala	102	9%
6	Pergerakan badan	146	14%
7	Pergerakan tangan	171	16%
8	Jelingan mata	198	18%
9	Pergerakan jari	247	23%
	Jumlah	1072	100%

Jumlah SKBL yang digunakan pelajar adalah sebanyak 1072 kes. Jadual 1 menunjukkan subjek lebih banyak menggunakan pengguguran mesej, iaitu pergerakan jari sebanyak 247 kali (23%), jelingan mata 198 (18%), diikuti pergerakan tangan 171 (16%), pergerakan badan 146 (14%), pergerakan kepala 102 (9%), renungan mata 72 (7%), strategi diam 72

(7%), senyuman 63 (6%) dan pergerakan lidah adalah 1 (tidak mencapai 1%). Dapatan ini direalisasikan dalam bentuk carta pai seperti berikut:



Rajah 1: Jumlah Strategi Komunikasi Bukan Lisan (SKBL) Pelajar Cina

Seseorang pelajar yang menganggukan kepala yang bermaksud bersetuju dengan perkara yang diperkatakan oleh interlokutor. Pelajar menggelengkan kepala jika tidak dapat menjawab pertanyaan interlokutor disebabkan kekurangan leksikal BM yang sesuai digunakan.

Semasa rakaman, diperhatikan ada pelajar yang mendongak ke atas dan menggaru kepala apabila menghadapi kesukaran meneruskan komunikasi. Selain itu, pelajar B2 menggunakan renungan mata semasa bertutur dalam BM. Ketika aktiviti bercerita, pelajar didapati merenung gambar tertentu. Strategi ini boleh meningkatkan ingatan pelajar berkaitan kosa kata BM yang sesuai digunakan untuk membina ayat-ayat secara lisan. Penggunaan strategi yang sama itu boleh menggerakkan interlokutor untuk membantu melancarkan pertuturan pelajar yang melibatkan komunikasi dua hala seperti main peranan. Seseorang itu hanya berdiam diri, iaitu tidak menjawab pertanyaan atau menjawab sebahagian sahaja pertanyaan yang diajukan kepadanya. Senyuman yang diukir menggambarkan seseorang itu berupaya meneruskan pertuturannya dalam B2 kerana menguasai kosa kata BM. Kekurangan penggunaan SK berkenaan disebabkan sikap pelajar yang serius apabila bertutur dalam bahasa tersebut. Analisis data yang ditranskripsikan menunjukkan penggunaan strategi pergerakan lidah sangat kurang dilakukan. Hanya satu kes sahaja dikesan melalui aktiviti lisan. Strategi tersebut didapati kurang membantu pelajar dalam menguasai kemahiran lisan BM. Analisis data dilakukan berdasarkan kategori pelajar aras

cemerlang (PAC), pelajar aras sederhana (PAS), dan pelajar aras rendah (PAR).

Penerangan dan Contoh Penggunaan Strategi Komunikasi Bukan Lisan

i. Strategi Pergerakan Jari

Strategi ini menduduki tempat pertama terbanyak daripada jumlah keseluruhan SKBL yang digunakan oleh pelajar. Ini membuktikan bahawa pergerakan jari merupakan salah satu SK yang penting bagi pelajar yang mempelajari BM, terutamanya dalam menguasai kemahiran lisan. PAC menunjukkan penggunaan strategi yang terbanyak, iaitu 104 kes, diikuti oleh PAS (82 kes) dan PAR (62 kes). Dapatan tersebut menjelaskan bahawa PAC lebih bersungguh-sungguh membuat ujaran dalam BM berbanding PAS dan PAR. Faktor tersebut mendorong mereka menggunakan lebih banyak strategi tersebut untuk menyampaikan mesej. Contoh-contoh penggunaan strategi tersebut dapat dilihat dalam ujaran-ujaran mereka pada contoh berikut:

Contoh 1:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
2	6	Wanita membaca surat khabar ((ibu jari kiri bergerak)) di seb ... bawah sebatang pokok.

Strategi ini digunakan untuk melambatkan pengujaran bagi membina ayat-ayat secara lisan dan seterusnya memberi peluang kepada subjek 2 mengingat kembali kosa kata BM berkaitan lokasi wanita tersebut melakukan aktiviti membaca surat khabar.

Contoh 2:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
3	11	((menggerakkan badan)) Send an keluarganya / sedang menye menyiap ... aaa::::: menjamu

((menggerakkan jari tangan kiri)) selera di aaa :::
di bawah sebatang pokok.

Jika dilihat pada data yang telah ditranskripsi dalam bentuk tulisan, subjek 3 melakukan dua SKBL. Salah satunya daripadanya ialah pergerakan jari yang dapat memberi peluang kepada subjek 3 memikirkan leksikal BM yang sesuai berkaitan lokasi untuk menjamu selera. Subjek memanjangkan sebutan sebelum dapat melengkapkan ayat tersebut.

Contoh 3:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
5	18	Seorang sedang menggang / aa:::: <i>sking</i> / menunggang <diam> menunggang ((jari tangan kiri bergerak)) <i>sking boat</i> / ((menjeling ke arah kamera)) di atas laut.

Subjek 5 menggerakkan jari-jarinya untuk memikirkan kosa kata bagi kenderaan yang digunakan pada permukaan air. Walaupun kosa kata yang digunakan itu seakan-akan sama dengan kosa bahasa Inggeris, tetapi subjek tersebut berjaya membentuk satu ayat yang boleh difahami bersama dengan pendengar.

ii. Strategi Jelingan Mata

Strategi ini menduduki tempat kedua dengan jumlah sebanyak 198 kes. Apabila subjek menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengujaran membina ayat yang lengkap, maka akan wujud suatu desakan kepada subjek untuk menggerakkan matanya ke kiri dan ke kanan atau ke atas dan ke bawah. Unsur-unsur sekeliling boleh membantu subjek mengingat kembali kosa kata BM yang telah dilupai. Contohnya rakan-rakan yang berhampiran boleh memberi bantuan kepada subjek dalam bentuk yang kreatif. Contoh-contoh penggunaan strategi ini boleh dilihat dalam contoh berikut:

Contoh 4:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
5	19	Aa:::: seorang gadis sedang mem.. mem.. mem... membaca surat khabar dengan meminum ((menjeling ke kiri)) kotak minuman.

Walaupun subjek kajian ini dapat melengkapkan ayat yang diujarkan namun penggunaannya kurang sesuai. Sepatutnya subjek menyatakan jenis minuman dan bukannya bekas minuman. Tindakannya melakukan strategi ini adalah untuk mendapatkan bantuan daripada rakan-rakan yang hampir atau gambar-gambar yang dilekatkan pada dinding. Semangat subjek untuk bercakap dalam BM adalah tinggi apabila dia cuba mencari kosa kata BM yang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan oleh gadis tersebut.

Contoh 5:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
23	93	Seorang wanita ((menjeling ke arah penyelidik)) membaca surat khabar di bawah pokok / itu. ((menggerakkan badan))

Subjek ini menjeling ke arah penyelidik semata-mata untuk mendapatkan pertolongan berkaitan kosa kata yang sesuai dengan perbuatan yang dilakukan oleh seorang budak perempuan yang duduk di bawah pokok. Selain itu, mungkin juga subjek mahu penyelidik menyatakan ayat yang diujarkan itu betul atau sebaliknya.

Contoh 6:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
38	142	((ketawa)) ((jari kedua-dua tangan bergerak)) Mei Ling dan keluarga... nya / aa :::::: ((menjeling ke kiri))

berkhemah di tepi pantai.

Subjek ini melambat-lambatkan pengujaran dengan ketawa dan menggerakkan jari kedua-dua tangannya sebelum membina ayat secara lisan. Seterusnya, ujaran subjek agak perlahan kelancarannya apabila melakukan strategi jelingan bagi mendapatkan bantuan sekitar berkaitan kosa kata BM. Walaupun ujaran yang dilakukan itu lengkap, namun kosa kata “berkhemah” tidak sesuai. Sepatutnya subjek menggunakan kosa kata “berkelah”.

iii. Strategi Pergerakan Tangan

Subjek akan menggerakkan sama ada sebelah tangan atau kedua-dua belah tangan ke arah interlocutor apabila menghadapi kesukaran untuk meneruskan pertuturan dalam BM. Selain itu, sebarang isyarat yang ditunjukkan kepada rakan boleh difahami maksudnya oleh rakan yang lain. Analisis data menunjukkan jumlah atau bilangan kekerapan yang melibatkan pergerakan tangan sebanyak 171 kes atau bersamaan dengan 10.7 peratus. PAS telah menggunakan strategi ini lebih banyak daripada PAC dan PAR, iaitu 65 kes. Sementara itu PAC sebanyak 61 kes dan PAR sebanyak 45 kes. Dapatan ini menjelaskan bahawa PAS lebih banyak mengulangi strategi ini bagi membolehkan mereka menyampaikan mesej dengan berkesan. Contoh-contoh penggunaan strategi ini melalui ujian lisan (bercerita dan main peranan) boleh dilihat seperti yang berikut:

Contoh 7:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
16	70	((merenung gambar)) Ani ke keluarga, ((menggerakkan badan)) ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) Ani memakan makanan yang enak <diam> di bawah pokok.

Ujaran pada mulanya tersekat. Subjek cuba untuk meneruskan pertuturan dengan mencari kosa kata yang sesuai bagi menggambarkan perbuatan yang dilakukan oleh Ani sekeluarga. Salah satu strategi yang diambil adalah menggerakkan kedua-dua belah tangan dan dalam waktu

yang sama mengingat kembali kosa kata yang sesuai. Ujaran yang diulang semula kelihatan lebih lengkap.

Contoh 8:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
19	79	((menggerakkan badan)) Ramai ... ramai orang / berenang ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) di gigi air ((menggerakkan badan)).

Dalam Contoh 8 pula, didapati subjek tidak mengetahui kosa kata “pantai”. Namun setelah menggunakan strategi ini, subjek dapat meneruskan ujaran, tetapi menggunakan makna kosa kata yang hampir sama dengan pantai, iaitu “gigi air”.

Contoh 9:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
30	118	((ketawa)) ((memandang kamera)) Mei Mei sedang duduk di bawah sebatang pokok yang rendang / sambil membaca buku eh ((mangkat tangan kiri)) ((menggerakkan badan ke belakang)) ((ketawa)) surat khabar.

Ujaran yang dilafazkan oleh subjek 30 menunjukkan pelajar tersebut menggunakan gerakan tangan untuk meminta bantuan rakan-rakan. Mungkin dalam konteks ujaran ini, subjek berasa keliru apabila tidak dapat membezakan antara buku dengan surat khabar. Pada mulanya, subjek menganggap objek yang dibaca itu buku. Namun, dia berasa was-was lantas mengangkat tangan kiri untuk meminta bantuan rakan-rakan. Akhirnya subjek mengetahui bahawa objek itu adalah surat khabar.

iv. Strategi Pergerakan Badan

Subjek akan berada dalam keadaan gelisah dengan menggerakkan badan atau menggoyangkan badannya untuk melambatkan pertuturan bagi membolehkannya mengambil masa untuk memikirkan leksikal yang sesuai dengan ayat yang hendak diucapkan. Pergerakan badan biasanya ke hadapan dan ke belakang ataupun badan digerakkan ke kiri atau ke kanan. Dalam pergerakan tersebut, subjek jarang bangun atau meninggalkan tempat duduk, sebaliknya akan sedaya upaya meneruskan ujaran sehingga berjaya. Walaupun didapati PAC lebih banyak menggunakan strategi ini, tetapi dapatan daripada analisis yang telah dilakukan, mendapati PAR kelihatan lebih banyak penggunaan strategi pergerakan badan berbanding PAS dan hampir menyamai PAC. Dapatan ini menunjukkan PAR lebih suka menggunakan pergerakan badan semasa berkomunikasi dalam BM.

Contoh 10:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
6	22	Ali ((menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang)) dan / Abu dan kawannya sedang bermain bola tampar dengan gembira.

Pergerakan badan subjek ke hadapan dan ke belakang boleh melambatkan proses pertuturan. Strategi ini digunakan bagi membolehkan subjek memikirkan frasa yang sesuai dengan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh para pengunjung ketika berkelah di pantai.

Contoh 11:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
24	96	Ani meng ... me ((menggerakkan badan ke hadapan dan ke belakang)) bersandar ((menggerakkan tangan kanan)) di se ... seponon pokok yang rendang untuk membaca surat khabar.

Berdasarkan ujaran yang dibuat oleh subjek 24, didapati subjek melengahkan pertuturan semasa membina ayat secara lisan untuk mencari leksikal BM yang sesuai dengan keadaan seseorang yang duduk di bawah pokok. Kosa kata “bersandar” sesuai digunakan untuk menggambarkan orang yang berehat di bawah pokok.

v. Strategi Pergerakan Kepala

Sekiranya seseorang subjek itu kekurangan kosa kata untuk meneruskan ujarannya, maka strategi ini digunakan. Misalnya menggelengkan kepala, menganggukan kepala, ataupun mendongak ke atas. Jumlah strategi yang berkaitan dengan strategi ini yang berjaya dicatatkan ialah 102 kes atau 6.4 peratus. Kumpulan pelajar yang paling banyak menggunakan strategi ini ialah PAS (41%), diikuti oleh PAC (19%) dan PAR (20%). Perkara yang menarik dalam hal ini, PAR didapati kurang menggunakan strategi pergerakan kepala dalam komunikasi lisan. Hal ini dapat dilihat pada bilangan strategi yang digunakan sangat kecil berbanding bilangan strategi yang digunakan oleh PAC dan PAS. Dapatan ini membuktikan PAR tidak gemar menggunakan pergerakan kepala sebagai strategi untuk mengatasi kekurangan leksikal ketika bertutur dalam BM. Dapatan tersebut berbeza dengan PAS dan PAC yang lebih banyak menggunakan strategi tersebut dalam pertuturan lisan. Antara contoh penggunaan strategi ini yang diambil daripada aktiviti bercerita dan main peranan adalah seperti yang berikut:

Contoh 12:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
6	25	Seorang gadis ((merenung gambar)) sedang membaca surat khabar di ((menganggukan kepala)) bawa, di bawah pokok. ((menjeling ke arah kamera)) ((menggerakkan kedua-dua belah tangan)) ((menggerakkan badan))

Perbuatan subjek menganggukan kepala menunjukkan perlakuan ingin membetulkan kata ujaran yang kurang tepat, iaitu kosa kata “bawa”. Lalu subjek mengujarkan kosa kata “di bawah” yang lebih tepat dari segi penggunaannya.

Contoh 13:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
11	46	Keluarga Ali berkelah, ((menggelengkan kepala)) sedang berkelah di tepi pantai.

Subjek 11 didapati menggelengkan kepala bagi menjelaskan bahawa sebelum kosa kata “berkelah” perlu ada satu kosa kata yang menggambarkan sesuatu aktiviti itu sedang berlaku. Tindakan subjek menambah kosa kata “sedang” sebelum berkelah menggambarkan keluarga Ali sedang melakukan aktiviti tersebut. Oleh itu, strategi ini lebih cenderung membantu subjek meningkatkan kualiti ujaran.

v. Strategi Renungan Mata

Renungan mata memainkan peranan yang penting berkaitan sesuatu objek atau gambar yang dipandang. Contohnya, berkaitan gambar orang ramai sedang berkelah di pantai sebenarnya menunjukkan banyak aktiviti yang dilakukan. Sekiranya subjek berasa keliru berkaitan perbuatan yang dilakukan oleh pengunjung-pengunjung di pantai, maka subjek akan merenung lama gambar tersebut dan dalam waktu yang sama memikirkan kata kerja yang sesuai dengan gambar berkenaan. Begitu juga semasa berbual dengan rakan, sekiranya subjek menghadapi kesukaran untuk meneruskan percakapan, maka subjek akan merenung wajah rakan dengan harapan akan dapat pertolongan daripada rakan bagi meneruskan ujaran. Sebanyak 72 kes strategi ini telah dikenal pasti telah digunakan oleh subjek sepanjang ujian lisan dijalankan. Subjek dalam kategori PAR nyata lebih banyak menggunakannya, iaitu sebanyak 29 kes, manakala PAC sebanyak 20 kes dan PAS pula sebanyak 23 kes. Salah satu faktor PAR lebih banyak menggunakan strategi ini adalah untuk meminta bantuan orang lain. Penggunaan strategi ini melibatkan pergerakan mata melihat keadaan sekeliling. Mungkin objek-objek atau gambar-gambar yang ada di sekeliling dapat membantu subjek mengingat kembali kosa kata yang diingini.

Contoh 14:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
6	24	((merenung gambar)) Mei Ling, Swee Ming, ((merenung gambar)) dan aa:::::: / abangnya sedang membina istana pasir.

Ujaran yang dihasilkan oleh subjek 6 berdasarkan gambar tunggal mendapati dia menggunakan strategi renungan sebanyak dua kali. Jika dianalisis ujaran tersebut dengan teliti, subjek menggunakan strategi ini untuk memastikan siapa pengunjung yang berkelah dan aktiviti yang dilakukannya. Penggunaan strategi ini membolehkan subjek meneliti sesuatu maklumat yang dilihat dengan lebih terperinci sebelum membuat ujaran lisan dengan secara spontan.

Contoh 15:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
8	32	((mengangkat kedua-dua belah tangan)) ((menggerakkan jari kedua-dua belah tangan)) Terdapat banyak ((merenung gambar)) murid-murid sedang ber.... main di tepi pantai. ((menjeling ke arah penyelidik))

Subjek merenung gambar perkelahan di tepi pantai untuk memikirkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pengunjung-pengunjung. Semasa proses merenung gambar tersebut, subjek cuba memikirkan kosa kata yang sesuai dengan aktiviti yang dilakukan di tepi pantai. Strategi ini sebenarnya memberi masa untuk subjek berfikir agar ujaran yang dikeluarkan itu betul.

vi. Strategi Diam

Strategi ini memperlihatkan seseorang subjek hanya berdiam diri. Pertuturan subjek akan terhenti dengan serta-merta dan dia tidak tahu cara-cara untuk meneruskan ujaran. Subjek hanya bertutur separuh jalan sahaja. Selepas itu, mereka akan senyap seolah-olah enggan menjawab

atau meneruskan percakapan selepas dua atau tiga perkataan diujarkan. Bilangan kekerapan strategi ini ialah sebanyak 72 kes atau 4.5 peratus daripada keseluruhan. Jika dilihat strategi renungan mata, bilangannya juga sama. Namun begitu, perbezaan dapat dilihat pada tahap pelajar yang menggunakan strategi tersebut. Bagi strategi ini, didapati subjek kategori PAR lebih banyak menggunakannya dalam aktiviti komunikasi secara lisan. PAR lebih cenderung menggunakan strategi ini (34 kes) bagi membolehkannya untuk tidak meneruskan perbualan atau menghentikan perbualan yang disifatkan sebagai sukar. Keadaan berbeza bagi PAC (22 kes) dan PAS (16 kes), mereka lebih banyak berusaha untuk meneruskan perbualan atau pertuturan lisan dan tidak menghentikannya begitu sahaja. Antara contoh-contoh penggunaan strategi tersebut adalah seperti yang berikut:

Contoh 16:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
1	5	((merenung gambar)) Keluarga Ali <diam> mem ... menjamu selera di bawah se..... batang pokok yang rendang. ((menjeling ke arah penyelidik))

Subjek 1 menggunakan strategi ini selepas menyebut dua patah perkataan. Selepas itu dia mendiamkan diri untuk mengingat kembali kosa kata yang sesuai untuk aktiviti keluarga Ali yang berada di bawah pokok. Di samping itu, subjek tersebut dapat menggunakan penjodoh bilangan yang betul untuk pokok, walaupun ujarannya tidak lancar.

vii. Strategi Senyuman

Berdasarkan analisis data, terdapat 63 kes (3.9 peratus) strategi ini digunakan oleh pelajar pelbagai tahap. Seseorang pelajar itu akan mengukir senyuman sekiranya dapat membina ayat-ayat dalam BM dengan baik. Kefasihan berbahasa Melayu menunjukkan pelajar telah menguasai leksikal BM dan tentunya tiada masalah untuk bertutur dalam bahasa berkenaan. Namun begitu, mereka yang kurang menguasai kosa kata BM akan menunjukkan riak wajah yang negatif atau tidak ceria. Kategori PAS telah mendominasi penggunaan strategi ini. Jumlah strategi yang digunakan oleh pelajar tahap tersebut adalah 30 kes.

Seterusnya, keadaan ini diikuti PAC (21 kes) dan PAR (12 kes). Penggunaan strategi tersebut oleh PAS menunjukkan mereka mempunyai banyak kosa kata BM dan mampu untuk berkomunikasi dengan lancar tanpa tersekat-sekat. Bagi pelajar yang kurang menggunakan strategi ini mungkin mereka mengalami kesukaran untuk bertutur dalam BM akibat dihambat kekurangan kosa kata.

Contoh 17:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
S16	64	Keluarga ((jari kedua-dua tangan bergerak)) yang lapar menikmati makanan ((senyum)) yang dibawa ke pantai. ((menggerakkan badan))

Ujaran yang melibatkan strategi ini menjelaskan bahawa subjek didapati begitu yakin dengan ayat yang dilafazkan itu betul serta tidak tersekat. Ayat yang diujarkan mengandungi subjek dan predikat.

Contoh 18:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
S82	280	Ali dan keluarganya sedang berkelah di tepi pantai. ((senyum))

Strategi ini digunakan untuk menggambarkan kepuasan subjek kerana dapat mengujarkan ayat dengan lancar tanpa gangguan kekurangan kosa kata. Struktur ayat yang diujarkan tersusun kemas dan memenuhi sistem tatabahasa BM.

Contoh 19:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran Bercerita
S93	319	Ramai orang sedang ((senyum)) yo yo.

Subjek 93 menggunakan strategi ini untuk meminta bantuan kosa kata BM berkaitan aktiviti yang dilakukan oleh para pengunjung di tepi pantai. Namun begitu, subjek didapati membawa masuk kosa kata bahasa ibundanya ke dalam pertuturan BM sebagai langkah terakhir bagi melengkapkan ujaran agar tidak terjejas.

viii. Strategi Pergerakan Lidah

Analisis daripada data lisan yang dirakamkan didapati subjek sangat kurang menggunakan strategi ini. Daripada jumlah keseluruhan SK yang digunakan, didapati hanya satu sahaja contoh pergerakan lidah. Ini menunjukkan subjek tidak begitu berminat untuk menggunakan strategi ini. Dalam SKBL, strategi ini juga memainkan peranan yang penting dalam memberi sesuatu makna kepada interlocutor. Strategi ini didapati sangat kurang digunakan daripada jumlah 130 subjek yang mewakili pelajar Tahun 5 bagi semua SJKC di daerah Hulu Langat. Hanya PAR yang menggunakan strategi ini, iaitu sebanyak satu kes. Sementara itu, subjek aras cemerlang dan sederhana tidak memperlihatkan langsung penggunaan strategi sedemikian. Mereka merasakan bahawa banyak lagi SK lain yang sesuai digunakan untuk membantu mereka menyampaikan mesej dalam BM. Contoh penggunaan strategi tersebut boleh dilihat seperti yang berikut:

Contoh 20:

Subjek	Bilangan ujaran	Ujaran main peranan
S23	103	Pelayan : Apakah minuman yang anda suka ?
S24	104	Pelanggan : Saya minta segelas / kopi, eh, ((menggeleng kepala)) segelas susu dan se ... gelas teh tarik. ((menjelirkan lidah))

Subjek melakukan strategi ini setelah selesai membuat ujaran atau menjawab pertanyaan daripada pelayan restoran. Perlakuan subjek itu secara kebetulan sahaja setelah melakukan pembetulan semasa membuat pesanan minuman. Pada mulanya, subjek meminta kopi kemudian menggeleng kepala setelah mengakui kesilapannya, dan terus

membuat pembetulan bahawa minuman yang diminta sebenarnya susu dan teh tarik.

Kesimpulan

Keselarasannya yang terbentuk antara bahasa bukan lisan dengan bahasa lisan boleh memberi impak yang tinggi, iaitu mewujudkan sistem komunikasi yang benar-benar berkesan. Walau bagaimanapun, makna yang disampaikan melalui bahasa bukan lisan masih banyak bergantung pada interpretasi budaya sesebuah masyarakat itu sendiri. Setiap bangsa atau masyarakat mempunyai interpretasi budaya yang tersendiri bagi memahami elemen-elemen bahasa bukan lisan. Strategi komunikasi lisan berfungsi sebagai pengganti yang baik apabila komunikasi lisan terhenti. Malahan strategi bukan lisan akan membantu pelajar menyampaikan mesej yang terhenti akibat kekurangan kosa kata dalam B2. Pembelajaran B2 atau bahasa asing perlu mengambil kira aspek ini, khususnya bagi guru atau pengajar agar dapat membantu pelajar B2 meningkatkan kefahaman mereka serta kecekapan dalam berkomunikasi.

Bibliografi

- Abercrombie, D. (1968). Paralanguage. Dlm. *British Journal of Disorders of Communication* 3, h. 55-59.
- Akinola, Abdullahi, O. (2014). The use of non-verbal communication in the teaching of English language. *Journal of Advances in Linguistics*. 4, 3:428-433.
- Argyle, Michael. (1972). Nonverbal communication in human social interaction. Dlm. Hinde, Robert A. (ed). *Nonverbal Communication*. Cambridge: Cambridge UP, h. 243-269.
- Birdwhistell, R. L. (1956). Kinesic analysis of filmed behavior of children. In B. Schaffner (Ed.), *Group Processes: Transactions of the second conference* (pp. 141-144). New York: Josiah Macy, Jr. Foundation.

- Hargrave, J., 2008. "Do You Speak Body Language?" *Forensic Examiner*, 17:3, h. 17-22.
- Jacobson, Roman. (1960). Closing Statement: Linguistics and Poetics. Dlm. Sebeok, Thomas A. (ed.) *Style in language*. Cambridge, Mass: MIT Press, h. 350-377.
- Jamilah Ikhsan, (2009). *Gerak isyarat tangan: Peranti komunikasi dan alat*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013-2025) (2013). *Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Surkamp, Carola. (2014). Non-Verbal Communication: Why We Need it in Foreign Language Teaching and How We Can Foster it with Drama Activities. *Scenario 2*, h.28-43.
https://en.wikipedia.org/wiki/V_sign, diakses pada 4 Julai 2016.